



**PROSEDUR OPERASI STANDARD BAGI PENGOPERASIAN
KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL SEWAKTU PANDEMIK
COVID-19 DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Maklumat dan Kawalan Versi Dokumen

PROSEDUR OPERASI STANDARD	No. Dokumen	4/2020
	No. Keluaran	1
	No. Pindaan	0
	Tarikh Kuatkuasa	15 April 2020
	Kategori Dokumen	Terbuka

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I

- 1. TUJUAN**
- 2. KUATKUASA**
- 3. LATAR BELAKANG**

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN DAN PERGERAKAN PEKERJA BAGI OPERASI KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PSP)

- 4. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI**
- 5. PROSEDUR KERJA**
- 6. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SEKIRANYA TERDAPAT PEKERJA
DIJANGKITI COVID-19**
- 7. PENGECUALIAN**

BAHAGIAN I

1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure* – SOP) ini bertujuan untuk memperincikan proses pengoperasian kemudahan pengurusan sisa pepejal (PSP) sewaktu pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

2. KUATKUASA

Prosedur Operasi Standard ini berkuatkuasa dengan **serta merta**.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 SOP ini disediakan selaras dengan keputusan Kerajaan untuk membenarkan kerja-kerja pengoperasian kemudahan PSP diteruskan semasa PKP.
- 3.2 Definisi kemudahan PSP adalah seperti pengoperasian tapak pelupusan sisa pepejal sanitari dan bukan sanitari, stesen pemindahan sisa pepejal, loji rawatan *leachate* dan loji insinerator yang beroperasi di seluruh Malaysia.
- 3.3. Dalam mematuhi SOP ini, operator perlu mengambilkira SOP yang lain yang dikeluarkan oleh Kementerian atau Agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam rantaian bekalan (*supply chain*) industri pengurusan sisa pepejal. Ini termasuklah meliputi pengeluar bahan, pengedar bahan, pembekal jentera dan peralatan termasuklah perkhidmatan logistik.
- 3.4 Kerja-kerja pengoperasian boleh dihentikan serta merta dan tindakan akan diambil terhadap operator-operator kemudahan PSP yang gagal mematuhi SOP yang ditetapkan selaras dengan undang-undang yang berkuatkuasa.

BAHAGIAN II

PELAKSANAAN PENGOPERASIAN DAN PERGERAKAN PEKERJA BAGI OPERASI KEMUDAHAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL (PSP)

4. AMALAN YANG PERLU DIPATUHI

- 4.1 Surat kebenaran pengoperasian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) hendaklah dipamerkan dengan jelas di semua kemudahan PSP.
- 4.2 Pihak operator perlu mematuhi **Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina 1/2020** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta garis panduan yang lain berkaitan pengurusan sisa pepejal yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).
- 4.3 Waktu pengoperasian kemudahan PSP adalah bermula pada pukul 7 pagi sehingga 7 malam dan tiada kerja lebih masa dibenarkan kecuali atas sebab-sebab risiko terhadap kesihatan awam dan keselamatan dengan kelulusan Ketua Pengarah JPSPN.
- 4.4 Pihak operator perlu mengurangkan bilangan pekerja ke tahap paling minimum atau sekurang-kurangnya sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada jumlah semasa.
- 4.5 Pengoperasian kemudahan PSP memerlukan penggunaan jentera berat seperti *excavator*, *bulldozer* dan *landfill compactor*. Oleh itu, perkhidmatan pembekalan jentera ke tapak adalah **DIBENARKAN**.
- 4.6 Pihak operator perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melaksanakan *contact tracing* pekerja yang telah dijangkiti COVID-19 dan pengurusan kontak COVID-19.
- 4.7 Pihak operator perlu memastikan dan menyediakan kenderaan yang mencukupi kepada pekerja-pekerja kemudahan PSP dan menerapkan penjarakan sosial (*social distancing*). Kenderaan yang digunakan perlulah dilaksanakan proses nyah kuman sebelum dan selepas digunakan.

- 4.8 Pihak operator kemudahan PSP hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses disinfeksi setiap kali sebelum atau selepas digunakan.
- 4.9 Pekerja-pekerja kemudahan PSP perlulah mengenakan topeng muka (*face mask*) dan sarung tangan (*glove*) semasa memasuki dan keluar dari kemudahan PSP.
- 4.10 Pihak operator kemudahan PSP perlu menyediakan peralatan seperti *outdoor shower* bagi memastikan kebersihan pekerja seliaan masing-masing dalam keadaan terjaga.
- 4.11 Pihak operator kemudahan PSP juga perlu menyediakan tisu, *hand sanitizer* dengan sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) alkohol dan sabun semasa operasi harian dijalankan.

5. PROSEDUR KERJA

- 5.1 Pekerja tidak dibenarkan bekerja sekiranya berada dalam situasi berikut:
 - i. suhu badan melebihi 37.4° celcius;
 - ii. mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk, demam, sesak nafas dan lain-lain; dan
 - iii. *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan kontak kepada kes positif.
- 5.2 Setiap pekerja terutama yang bekerja di bilik kawalan insinerator dan stesen pemindahan sisa pepejal perlulah mengamalkan *social distancing* dengan jarak 1 meter antara satu sama lain.
- 5.3 Mengurangkan frekuensi mesyuarat dengan hanya mesyuarat penting sahaja diadakan dan tidak mengadakan mesyuarat yang tidak difikirkan perlu semasa perintah PKP dilaksanakan.
- 5.4 Mengurangkan penggunaan *PA system* dan *walkie talkie* dan digunakan sekiranya perlu sahaja.
- 5.5 Menggunakan topeng muka (*face mask*) dan sarung tangan (*gloves*) yang bersesuaian ketika mengoperasikan kemudahan PSP.
- 5.6 Sebelum meninggalkan tempat kerja, semua pekerja perlu diambil suhu badan dan melaksanakan proses disinfeksi seluruh badan.

- 5.7 Bagi kemudahan PSP yang mempunyai kantin, pihak pengusaha kantin perlu memastikan penjarakan sosial (*social distancing*) dengan jarak 1 meter antara satu sama lain dipatuhi dan menghadkan bilangan pengunjung yang berada di kantin pada sesuatu masa terutama ketika waktu makan tengahari.
- 5.8 Pengusaha kantin perlu memastikan semua makanan yang disediakan hendaklah tertutup dan pekerja kantin mengenakan topeng muka (*face mask*) dan sarung tangan (*glove*) yang bersesuaian.
- 5.9 Lawatan tapak oleh pelawat luar adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Hanya kehadiran pegawai daripada setiap agensi Kerajaan yang berkaitan sahaja dibenarkan dengan bilangan maksimum adalah dua (2) orang seperti berikut:
- 5.9.1 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN);
 - 5.9.2 Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Pembersihan Awam (SWCorp);
 - 5.9.3 Jabatan Alam Sekitar (JAS);
 - 5.9.4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
 - 5.9.5 Polis Diraja Malaysia (PDRM);
 - 5.9.6 Pihak Berkuasa Kesihatan; dan
 - 5.9.7 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SEKIRANYA TERDAPAT PEKERJA DIJANGKITI COVID-19

- 6.1 Menghubungi pihak berkuasa kesihatan dengan kadar yang segera.
- 6.3 Memberhentikan pengoperasian harian dan kesemua kontak dengan pekerja yang dijangkiti COVID-19 **TIDAK DIBENARKAN** pulang ke rumah dan perlu ke hospital untuk menjalani pengujian pengesahan COVID-19.
- 6.4 Memberhentikan operasi kemudahan PSP pada hari berkenaan bagi tujuan nyah kuman oleh pihak berkuasa kesihatan.

6.5 Kesemua pekerja hendaklah menjalani kuarantin selama 14 hari sepertimana arahan pihak berkuasa kesihatan. Operator kemudahan PSP perlu mendapatkan pekerja tambahan bagi menjalankan pengoperasian kemudahan PSP selepas kerja-kerja nyah kuman oleh pihak berkuasa kesihatan selesai.

7. PENGECUALIAN

JPSPN berhak meminda terma SOP tertakluk kepada situasi dan arahan Kerajaan daripada semasa ke semasa.

TERBITAN

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

2020